

UniMAP di alu-alukan untuk menyertai program usahasama DAAD.

14 Disember 2007 - UniMAP dialu-alukan untuk menyertai program-program DAAD. 14 Disember 2007 - DAAD (Deutscher Akademischer Austausch Dienst, atau German Academic Exchange yang beribu pejabat di Malaysia mengalu-alukan penyertaan secara aktif UniMAP bagi program usahasama yang dijalankan oleh DAAD.

Menurut Pengarah DAAD di Malaysia, Dr. Harald Olk, banyak peluang yang boleh diterokai terutama kerana UniMAP sudahpun menjalinkan banyak kerjasama dengan universiti-universiti di Jerman seperti Cologne University of Applied Science dan HTW Aalen University.

Perkembangan terbaru, apabila seorang pelajar tahun ketiga UniMAP dari Pusat Pengajian Kejuruteraan, Nadhrah Mohd Jamaludin dianugerahkan biasiswa Baden Wurttemberg Scholarship 2007/2008 dari HTW Aalen, sekaligus memberi peluang kepada beliau untuk mengikuti pengajian di Universiti

Aalen selama beberapa bulan, bermula Februari 2008. Selain itu, Duta Jerman di Malaysia iaitu, Mr. Herbert D. Jess telah melawat UniMAP pada Oktober, 2007 lalu. Dalam pada itu, seorang profesor Jerman yang tidak asing bagi UniMAP, Profesor Karl Kohlhof dari Cologne University of Applied Technology, telah mengadakan lawatan ke UniMAP pada 9 - 13 Disember 2007. Semasa lawatannya ke UniMAP, beliau juga sempat melawat 3 orang pelajar tahun akhir dari Cologne University of Applied Technology yang sedang menghabiskan pengajian di UniMAP dengan kerjasama Infineon, Kulim.

Satu perbincangan mengenai aktiviti penyertaan usahasama UniMAP dengan DAAD telah diadakan untuk memantapkan lagi kerjasama di antara keduanya pada masa hadapan telah berlangsung hari ini. Turut serta dalam perbincangan ini adalah Dr. Harald Olk, Profesor Dr Zul Azhar Zahid Jamil, Timbalan Naib Canselor UniMAP dan Dr. Zuraidah Mohd Zain, Dekan Pusat Hal Ehwal Antarabangsa.